

# Kajian Terhadap Pengurusan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Dalam Kalangan Pelajar Semester Enam Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Haslina Hassan<sup>1</sup>, Naimah Ismail<sup>2</sup> dan Hamzan Harun<sup>3</sup>

<sup>1, 2</sup> Jabatan Pengajian Am

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah

[haslina@ptsb.edu.my](mailto:haslina@ptsb.edu.my)<sup>1</sup>, [naimah@ptsb.edu.my](mailto:naimah@ptsb.edu.my)<sup>2</sup>, [hamzan@ptsb.edu.my](mailto:hamzan@ptsb.edu.my)<sup>3</sup>

*Abstrak - Kajian ini bertujuan mengenalpasti cara pengurusan wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam kalangan pelajar Semester Enam Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kecekapan menguruskan wang PTPTN dilihat berperanan besar dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar. Responden kajian terdiri daripada 120 orang pelajar Semester Enam yang dipilih secara rawak daripada pelbagai jabatan. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen dan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada empat jabatan. Soal selidik adalah berkaitan agihan perbelanjaan dan pengurusan wang PTPTN. Data mentah yang dikumpulkan, dianalisis menggunakan kaedah manual. Hasil kajian menunjukkan pelajar menghadapi masalah ketidakcukupan wang dalam menguruskan perbelanjaan dan berlakunya sedikit pembaziran dalam pengurusan wang tersebut. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat dikongsi bersama pihak pengurusan, khususnya Hal Ehwal Pelajar dan pensyarah politeknik amnya di samping beberapa pendekatan yang dicadangkan dalam usaha meningkatkan kebijaksanaan dan kemahiran pelajar dalam pengurusan wang PTPTN.*

**Katakunci:** pengurusan wang, PTPTN, agihan perbelanjaan

## I. PENGENALAN

Peningkatan jumlah pelajar yang berjaya menempatkan diri ke institusi pengajian tinggi meningkat secara mendadak sekitar tahun 1980-an. Ada yang mendapat peluang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tempatan, namun bilangan yang mendapat peluang ke luar negara juga adalah tinggi. Kebanyakan daripada mereka ini mendapat tajaan daripada pihak yayasan negeri, biasiswa kerajaan ataupun tajaan pinjaman pelajaran Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kini setelah 30 tahun masa berlalu, biasiswa yang dahulunya diberikan kepada pelajar cemerlang telah tiada. Pinjaman MARA seakan kontang dan susah untuk diperolehi. Sistem pendidikan kini seolah-olah menjadi satu sistem untuk diperniagakan. Masyarakat terpaksa berhadapan dengan segala macam kesukaran dalam usaha untuk memungkinkannya anak mereka mendapat pelajaran di peringkat tertinggi. Maka, beberapa kekecohan berlaku sehingga menuntut diwujudkan satu tabung untuk membiayai pendidikan pelajar. Satu tabung yang dikenali sebagai Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (TPTN) yang dikendalikan oleh satu badan yang telah diperbadankan iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah ditubuhkan pada tahun 1997. (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional ( www.e-kerjaya.com bertarikh 19 Julai 2008).

## II. PENYATAAN MASALAH

Seringkali kita mendengar rungutan pelajar-pelajar tentang masalah kewangan sehingga menjejaskan pencapaian mereka. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti bagaimanakah wang PTPTN yang diberikan oleh kerajaan gagal menyelesaikan masalah pelajar. Kos perbelanjaan pendidikan tinggi semakin meningkat dan tidak dapat ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Selain perlu mengeluarkan wang untuk tujuan pembelajaran seperti bahan ilmiah, alat tulis dan sebagainya, pelajar juga terkesan dengan kenaikan harga barang-barang keperluan seperti makanan dan lain-lain. Kenaikan kos ini secara langsung memberi kesan kepada pengurusan kewangan pelajar. Akibat

daripadasumber kewangan yang terhad dan perbelanjaan pendidikan yang semakin meningkat, rata-rata pelajar berhadapan dengan masalah kewangan sepanjang tempoh pengajian.

Untuk melihat sejauh mana kebijaksanaan pelajar dalam menguruskan perbelanjaan harian dan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam mengatur perbelanjaan mereka, maka kajian mengenai pengurusan kewangan pelajar perlu dilakukan bagi mengenalpasti sumber kewangan pelajar dan bagaimanakah bentuk perbelanjaan mereka dan seterusnya mengenalpasti permasalahan kewangan yang mereka hadapi sepanjang pengajian di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Kajian juga bertujuan untuk meneliti perbelanjaan PTPTN di kalangan pelajar sama ada disalurkan ke arah yang sepatutnya atau sebaliknya. Segelintir pelajar juga merungut tentang jumlah wang yang dipinjamkan tidak mencukupi dan wang PTPTN lewat dimasukkan ke akaun pelajar. Pelajar terpaksa meminjam dari kawan-kawan, ibu bapa dan orang-orang di sekeliling mereka dan apabila wang diterima, mereka terpaksa melunaskan hutang yang telah dibuat.

### III. OBJEKTIF

1. Kajian ini bertujuan untuk melihat dan mengenalpasti perkara yang menjadi keutamaan pelajar dalam pengurusan wang PTPTN di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
2. Menenal pasti permasalahan kewangan yang dihadapi oleh pelajar dalam menjalani kehidupan di politeknik.

### IV. KAJIAN LITERATUR

Corak penggunaan dan perbelanjaan wang PTPTN di kalangan pelajar merupakan isu utama kajian. Menurut Ismail et al. [1], wang PTPTN telah dibelanjakan oleh pelajar untuk akademik wajib, akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian. Hasil analisis berganda mendapati bahawa perbelanjaan persendirian merupakan faktor paling dominan mempengaruhi jumlah keseluruhan perbelanjaan PTPTN pelajar merancang dan tidak merancang. Menurut Nur Hazwani Mohamad & Lokman Ali, S. [2], kewangan sebenarnya adalah satu seni dan sains mengurus wang manakala mengurus kewangan pula melibatkan penggunaan pelbagai teori ekonomi dan matlamat-matlamat perakaunan bagi mencapai matlamat firma dan individu.

Wang merupakan keperluan utama bagi setiap lapisan masyarakat. Pelajar terutamanya di peringkat tinggi memerlukan wang untuk menampung kos pembelajaran dan sara hidup di universiti. Pelajar, terutamanya peringkat tinggi memerlukan wang untuk menampung kos pembelajaran dan sara hidup di kampus. Namun begitu, kos pendidikan tinggi di institusi pendidikan awam dan swasta semakin meningkat hari demi hari. Menurut Siti Alida Ali [3] hal ini berlaku disebabkan kesan daripada peningkatan kos, serta perubahan orientasi pendidikan dan dasar pembiayaan di peringkat tinggi. Berdasarkan penyelidikan sebelumnya, wanita umumnya menunjukkan pengetahuan kewangan yang kurang, mempunyai masalah kewangan yang lebih, dan kurang yakin tentang keadaan kewangan mereka (Hira and Mugenda, 2000, Negara Endowmen bagi pendidikan kewangan, 2000). Kajian oleh Ratna Khuzaimah Mohamad[4] yang melihat ke dalam jantina dan perbandingan sektor kerja dalam perancangan kewangan peribadi disebabkan oleh hakikat bahawa dengan mempunyai perancangan kewangan peribadi, ia boleh membantu untuk mengurangkan masalah kewangan.

### V. KAEDAH PENYELIDIKAN

Instrumen penyelidikan yang telah digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan soal selidik sahaja. Bilangan pelajar semester enam PTSB yang berstatusaktif bagi semester Jun 2013 adalah seramai 990 orang. Sebanyak 120 orang responden yang terdiri daripada peminjam PTPTN telah dipilih secara rawak mudah. Persampelan ini merujuk kepada andaian bahawa setiap responden mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel tanpa sebarang bias. Sebelum borang soal selidik diberikan kepada responden, mereka telah dijelaskan tujuan kajian dibuat agar kerjasama yang baik dapat diperolehi daripada responden. Prosedur menjawab juga diberikan dan maklumat tersebut adalah rahsia. Antara lokasi soal selidik ini dibuat ialah di dalam kelas, di perpustakaan dan beberapa lokasi lain mengikut kesesuaian.

## VI. ANALISA DAPATAN

Kajian dibuat terhadap 120 orang responden dan diminta menyenaraikan keutamaan mereka terhadap perbelanjaan yang dibuat. Kedudukan teratas iaitu seramai 58 orang pelajar atau 51.06% memberi keutamaan perbelanjaan kepada pemakanan. Perkara kedua yang diberi keutamaan dalam perbelanjaan wang PTPTN ialah pendidikan iaitu 35% atau 42 orang pelajar. Perkara ketiga diberi keutamaan ialah keperluan peribadi iaitu 5.8% atau 7 orang. Seterusnya bilangan pelajar yang memberi keutamaan pada perbelanjaan untuk hiburan ialah 5 orang iaitu 4.2% dan 6 orang pelajar atau 5% memilih berbelanja untuk pembelian alat-alat elektronik semasa. Manakala 1.6% atau 2 orang telah meletakkan keluarga di tangga yang terakhir.

Jumlah pinjaman yang diterima oleh pelajar adalah sama, iaitu RM2,500.00 per semester. 98% atau 117 orang pelajar menyatakan wang PTPTN yang diterima tidak mencukupi. Manakala 3 orang pelajar atau 2% bersetuju dengan jumlah pinjaman yang diberi dan mencukupi.

Wang merupakan keperluan utama bagi setiap lapisan masyarakat. Pelajar, terutamanya di peringkat tinggi memerlukan wang untuk menampung kos pembelajaran dan sara hidup di universiti. Namun begitu, kos pendidikan tinggi di institusi pendidikan awam dan swasta semakin meningkat hari demi hari. Menurut [3], hal ini berlaku disebabkan kesan daripada peningkatan kos, serta perubahan orientasi pendidikan dan dasar pembiayaan di peringkat tinggi. Kajian oleh [4] yang melihat ke dalam jantina dan perbandingan sektor kerja dalam perancangan kewangan peribadi disebabkan oleh hakikat bahawa dengan mempunyai perancangan kewangan peribadi, ia boleh membantu untuk mengurangkan masalah kewangan.

Jadual 1 : Kaedah pengurusan /perancangan kewangan pelajar

BIL	PERKARA	JUMLAH PELAJAR	PERATUS
1	Berjimat cermat/ Meminimakan perbelanjaan/ Menggunakan wang secara berhemah	90	66%
2	Memasukkan ke dalam akaun bank kedua dan menggunakannya apabila perlu	5	4.2%
3	Menyediakan jadual bajet	5	4.2%
4	Menyerahkan kepada ibubapa untuk menguruskan perbelanjaan	5	4.2%
5	Mengagihkan wang mengikut keperluan	7	7.8%
6	Kawal perbelanjaan	6	4.9%
7	Catat perbelanjaan	2	1.6%

Perkara seterusnya ialah punca ketidakcukupan wang PTPTN pelajar dan di bawah adalah punca utama yang disenaraikan oleh pelajar.

Jadual 2 : Punca ketidakcukupan wang pelajar

BIL	PERKARA	JUMLAH PELAJAR	PERATUS
1	Harga makanan mahal	78	73.3%
2	Sewa rumah tinggi	21	17.5%
3	Projek semester akhir	10	8.3%
4	Kos hidup tinggi	7	5.8%
5	Hiburan.	2	1.6%
6	Riadah	2	1.6%

Kajian juga menunjukkan bahawa masalah utama pelajar ialah berkaitan kos sara hidup pelajar yang terdiri daripada (106 orang) atau 88.3% iaitu meliputi harga makanan dan kadar sewa yang tinggi terutama bagi pelajar yang menyewa di luar. Hanya 10 orang pelajar iaitu 8.3% sahaja yang menyatakan bahawa ketidakcukupan wang adalah berpunca daripada pembiayaan untuk projek semester akhir. Seramai 4 orang pelajar atau 3.2% memperuntukkan kewangan bagitujuan hiburan dan riadah.

## VII. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian di atas, 98% pelajar amat memerlukan pinjaman PTPTN bagi membiayai pengajian mereka di politeknik di samping menampung wang yang diberikan oleh ibubapa. Ada di kalangan pelajar yang terpaksa bekerja secara sambilan sehingga membebankan pelajar dan gagal memberi tumpuan terhadap pencapaian akademik.

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar berhadapan dengan masalah yang sama iaitu kos hidup yang tinggi dan pembiayaan projek akhir pelajar kerana tiada peruntukan khas untuk projek akhir. Sebahagian kecil pelajar tersasar daripada matlamat utama pinjaman wang PTPTN diberikan apabila mereka turut memperuntukkan wang PTPTN untuk hiburan dan riadah.

Berikut adalah beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pelajar berkaitan PTPTN, antaranya :

1. Caj bayaran balik dikurangkan.
2. Tiada faedah pinjaman dikenakan.
3. PTPTN dikreditkan ke akaun pelajar pada setiap bulan untuk setiap semester.
4. Menaikkan jumlah wang PTPTN yang dipinjamkan.
5. PTPTN diberikan secara percuma atau memansuhkan bayaran balik PTPTN.
6. Diskaun pembayaran balik diberikan kepada pelajar yang mendapat PNGK 3.0 ke atas.
7. PTPTN perlu mengemaskini maklumat peminjam dengan segera apabila pelajar tamat pengajian.
8. Sebarang maklumat terkini berkaitan PTPTN dimuatnaik di sesawang yang berkaitan dan pastikan ianya mudah diakses.

## VIII. CADANGAN

Tidak semua individu memiliki kemahiran menguruskan kewangan sekali pun memiliki kepakaran dan pencapaian yang tinggi dalam bidang akademik. Perancangan kewangan perlu bermula seawal mungkin. Berikut adalah cadangan-cadangan yang dijangkakan boleh membantu pelajar merancang kewangan mereka :

1. PTPTN
  - a. Mengkaji semula jumlah pinjaman yang diberikan kepada pelajar memandangkan ramai pelajar mengeluh tentang jumlah wang PTPTN yang diberikan tidak mencukupi. Perlu dibuat sedikit penambahan bagi jumlah wang yang diberikan kepada pelajar-pelajar diploma politeknik kerana pelajar amat bergantung pada PTPTN.
  - b. Pihak PTPTN harus mengkaji semula kriteria yang digunakan untuk memberi pinjaman. Pastikan pelajar yang benar-benar memerlukan mendapat pinjaman PTPTN kerana terdapat pelajar yang tidak memerlukannya telah ditawarkan pinjaman. Sedangkan pelajar yang amat memerlukan ditolak permohonannya.
  - c. Pelajar sepatutnya diberi pinjaman penuh seperti yang dipohon oleh mereka kerana PTPTN adalah berbentuk pinjaman, dan pelajar perlu membayar semula apabila tamat pengajian. Terdapat kes di mana pelajar diberi separuh pinjaman PTPTN kerana waris mereka berpendapatan melebihi RM3000.00 sebulan. Walaupun ibubapa berpendapatan melebihi RM3000.00, tetapi tanggungjawab ibubapa kadangkala amatlah berat. Ada ibubapa yang mempunyai anak yang ramai untuk ditanggung persekolahannya, maka wajarlah perkara ini dipertimbangkan semula.
2. PELAJAR
  - a. Pelajar harus diberi bimbingan tentang pengurusan wang PTPTN agar tidak berlaku pembaziran atau penyaluran wang ke arah yang tidak sepatutnya. Kursus bagaimana menguruskan wang dengan bijak wajib dianjurkan kepada pelajar yang memohon PTPTN agar pelajar tidak lalai dan leka apabila menerima wang yang dipinjamkan kepada mereka.

3. INSTITUSI
  - a. Masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar haruslah diberi perhatian serius dan diberi keutamaan demi menjana pelajar cemerlang dalam melahirkan generasi berinovasi bagi memenuhi pasaran kerja negara. Pelajar yang dibelenggu masalah kewangan dibimbangi tidak mampu terkehadapan dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

#### RUJUKAN

- [1] Ismail, Normala, Zainal dan Noor Saliza (2004) Analisis Penggunaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM). In: Asean Symposium On Educational Management And Leadership (ASEMAL4), 13 -15 Disember 2004.
- [2] Nur Hazwani Mohamad, Lokman Ali, S., & Fakulti Pengurusan Dan Sumber Manusia. (2008). Corak Pendapatan Dan Perbelanjaan Peribadi Di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di IPTA : Kajian Kes Di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM, Skudai, Johor
- [3] Siti Alida Ali (2002), Financial Planning Gender Differences In Personal Financial Literacy Among College Students – Haiyang Chen, Ronald P. Volpe, E\*Trade Financial Learning Center, Christos M Cotsakos College Of Bussiness, William Paterson University Wayne, NJ 07470 USA The Williamson College Of Bussiness Administration, Youngstown State University, Youngstown OH 44555 USA, Accepted 21 August 2002
- [4] Ratna Khuzaimah Mohamad (2010), Gender And Working Sector Comparisons In Personal

